

NO. SOALAN: 431

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO- LEUNG

RUJUKAN : 9773

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao- Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan diambil polis untuk membendung kegiatan perjudian haram meluas yang dijalankan dalam pusat-pusat hiburan keluarga di Alor Setar, berapa tangkapan telah dibuat dan pertuduhan mahkamah di bawa, berkait dengan kegiatan-kegiatan tersebut dari tahun 2013 sehingga Febuari 2017.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan yang berterusan untuk menangani masalah perjudian haram dalam negara. Di samping melaksanakan “operasi dadu” terhadap premis-premis perjudian, pihak polis turut memantau modus operandi yang digunakan oleh sindiket sejak pertengahan tahun 2015 untuk mencari pelanggan baharu dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp*, *Short Message Service (SMS)* dan juga melalui laman-laman sesawang di internet.

Kaedah yang digunakan adalah dengan menghantar SMS secara rambang kepada pemilik-pemilik nombor telefon mudah alih untuk melayari laman sesawang tertentu yang dibuat secara “*hyperlink*” dalam internet. Kebanyakan laman sesawang ini mempamerkan wajah wanita cantik, berpakaian seksi dan juga menawarkan bonus berganda bagi menarik minat orang awam untuk berjudi.

Statistik serbuan berkaitan aktiviti perjudian di seluruh negara pada tahun 2011 sehingga Februari 2017 adalah seperti berikut:-

DAERAH	2013-FEBRUARI 2017									
	SERBUAN	BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN WANG (RM)	RAMPASAN MESIN	PERTUDUHAN				
						2013	2014	2015	2016	2017 FEB
KOTA STAR	5373	1050	2748	147121	9538	422	193	115	41	4
KUALA MUDA	4132	555	1447	85530	7445	92	129	21	20	1
KUBANG PASU	830	41	82	21551	119	0	0	0	0	0
LANGKAWI	252	55	130	3061	333	0	0	4	11	0
KULIM	733	89	456	26762	896	1	5	1	20	0
BALING	322	8	44	3932	38	2	1	0	1	0
PENDANG	570	6	21	1160	107	2	1	2	0	0
YAN	35	2	2	0	12	0	0	2	0	0
SIK	14	1	1	136	4	0	0	0	0	0
PADANG TERAP	84	3	11	0	16	1	0	0	0	0
BANDAR BARU	440	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	12785	1810	4942	289253	18508	520	329	145	93	5

Sebagai langkah tambahan selain daripada operasi yang dijalankan secara berterusan bagi mengekang kegiatan perjudian ini sehingga ke akar umbi, Kementerian melalui PDRM juga telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- i) KDN telah membentangkan Nota Makluman berhubung aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan pada Mac 2015 dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil. 122 dan Bil. 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepada melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang lain;
- ii) Melatih lebih ramai penganalisa pakar-pakar judi untuk memudahkan mereka mengenalpasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu sebagai mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, usaha ini akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;
- iii) Meneruskan dan memperhebatkan lagi kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian yang telah diadakan dengan mensasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan. Program ini melibatkan pihak PBT, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta;

- iv) Bagi memastikan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM bagi memastikan gejala judi haram dapat diperangi sehingga ke peringkat akar umbi. Unit ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram; dan
- v) PDRM telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Usaha untuk meminda Akta ini telah dibincangkan dengan pihak PEMANDU pada bulan Ogos 2014. Seterusnya, pada Julai 2015 atas inisiatif pihak Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh Negara bersama-sama dengan pihak Bank Negara Malaysia, PDRM dan Kementerian Kewangan. Pihak PDRM telah mengenal pasti provisi-provisi yang perlu dipinda dalam menangani gejala perjudian secara dalam talian dengan lebih berkesan.

Pihak polis sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian, usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui “operasi dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu

juga orang ramai perlu menghindari daripada terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat ini.

SOALAN: 432

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOOI HSIAO-
LEUNG [ALOR SETAR]**

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao- Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan untuk membekalkan dan senaraikan nama dan diskripsi untuk semua 85 projek yang dinyatakan oleh Menteri dalam Pejabat Perdana Menteri dalam jawapannya kepada soalan bukan-lisan Parlimen saya yang bertarikh 22.11.2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, senarai 85 program/projek yang masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan oleh beberapa Kementerian berkaitan adalah seperti berikut:

KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
MOF	Pengambilan Alihan & Pembangunan Kompleks Makam Mahsuri
	Pembinaan Pusat Khidmat Hasil (PKH) Kulim, Kedah
	Cadangan Pembinaan Jalan Dari Kuala Temonyong Ke Telok Baru Dan Pantai Tengah Fasa 2
	Meroboh & Membina Semula Bangunan Kota Mahsuri Langkawi
	Pembangunan Infrastruktur Asas Zon Industri Fasa 4, Kulim Hi-Tech Park
	Kompleks Sukan
	Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam Alor Setar, Kedah
	Projek Pembesaran Dermaga Jeti Tg. Lembung Bagi Labuhan Pukal Kering
	Penyediaan Infrastruktur Di Langkawi International Fisheries Terminal (LIFT)
	Projek Naiktaraf Trek Balapan & Fasiliti Kompleks Sukan Lada
	Taman Halal Kedah Fasa 2
	Pembangunan Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam Fasa 3 Untuk Industri Halal
	Projek Perolehan Peralatan Untuk Bangunan Techno Centre Di Kulim Hi-Tech Park
	Projek Menaiktaraf Sistem Lampu Jalan Di Kawasan-Kawasan Perindustrian Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
JPM	Pembangunan Kampung Baru Kedah
	NCER - Pusat Pembangunan Kemahiran
	Projek-Projek Mesra Rakyat di Kedah
	Pembinaan Blok Asrama Kampus Wilayah Utara- Intura
KKLW	Program Ameniti Sosial (Pams) Negeri Kedah
	Projek Agropolitan Sik, Kedah
	Program Bantuan Rumah Negeri Kedah
	Desa Lestari Kampung Pering, Kubang Pasu, Kedah
	Desa Lestari Kampung Asam Jawa, Pendang, Kedah
	Bina Baru Bangunan Tabika Kemas Di Pusat Kegiatan Ppd Sg. Korok, Jerlun, Kedah
	Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) Baling, Kg Lalang, Kedah
	Program Mobilisasi Dan Perkhidmatan Sosial
	Pembangunan Usahawan Dan Perkhidmatan Kedah
	Program Peningkatan Pendapatan Petani Kedah
	Projek Melengkapkan Kelengkapan/Keperluan Kemudahan Asas Projek Keda Resort Bendang Man, Sik; Pusat Latihan Charuk Tualang, Sik; Kemsite-Kemsite Keda Dan Homestay-Homestay Desa Kedah.
	Pemulihian Sawah Dan Tanah Terbiar Di Kawasan Terpencil
	Program Pembangunan Latihan Kedah
	Projek Menaik Taraf Kemudahan Di Desa-Desa Kedah
	Program Pembangunan Semula Kawasan (Psk) Di Kedah
	Program Ameniti Sosial Di Wilayah Kedah
	Program Jalan Perhubungan Desa Di Wilayah Kedah
	Program Bantuan Dan Bimbingan Perniagaan Kecil
	Program Transformasi Pengurusan Pembangunan Ekonomi Dan Modal Insan
	Program Kemudahan Perniagaan 1Malaysia

KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
	Premium Tanah Dan Kerja-Kerja Tanah Di Padang Terap, Baling, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Sik, Kuala Muda.
	Infrastruktur Ladang Negeri Kedah
	Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Kedah
	Tanam Semula Kelapa Sawit Negeri Kedah
	Jalan Projek Felcra Negeri Kedah
	Naiktaraf Dan Baikpulih Bangunan Asrama , Dapur, Dewan Selera Dan Sistem Pendawaian Elektrik Di Kolej Mara Kulim, Kedah
	Penempatan Semula Giatmara Jerai, Kedah
	Program Tanam Semula Getah Dan Sawit Di Kedah
	Tanam Semula Getah Ke Getah (TSSG) Kedah
	Bekalan Air Luar Bandar Negeri Kedah
	Bekalan Air Luar Bandar Di Padang Terap, Kedah
	Jalan Dari Kg. Sg. Batu / Kg. Sg. Pasir / Ladang Dublin, Daerah Bandar Baharu, Kedah
	Jalan Perhubungan Desa Negeri Kedah
KKR	Menggantikan Jambatan Sedia Ada Di Ft007/1/30 Kota Setar
	Menaiktaraf Dan Membina Persimpangan Bertingkat Dari Laluan Ft001 (Jalan Anak Bukit/Kepala Batas) Ke Lapangan Terbang Alor Star, Kedah (Bayaran Perunding Dan Pengambilan Balik Tanah)
	Pembaikan Jalan B.Bharu - K.Ketil (Ft136) Di Daerah Kulim/ Bandar Baharu, Kedah Akibat Bencana Banjir 2014
	Membina Jalan Baru Lencongan Timur Dari Persimpangan Alor Mengkudu (K138) Ke Persimpangan Jalan Tun Razak (K8/K368) Alor Setar, Kedah (Fasa 2a)
	Menggantikan Jambatan Sedia Ada Di Ft007/025/90 Kubang Pasu
	Menggantikan Jambatan Sedia Ada Di Ft136/079/15 Kulim
	Membina Jejantas Pejalan Kaki Di Laluan Persekutuan Ft 136, Sek. 48 Di Jalan Lunas/Kulim/Kilang Lama, Kedah

KEMENTERIAN	NAMA PROJEK
	Membina Jalan Persekutuan (Laluan 67) Dari Pekan Sungai Petani, Daerah Kuala Muda Ke Pekan Tawar, Daerah Baling, Kedah (Pakej 1) Dari Persimpangan Lencongan Timur Ke Persimpangan Laluan K620 (Pembinaan)
	Membina Jalan Menghubungkan Lebuhraya Utara-Selatan Ke Jambatan Pulau Bunting
MOA	Pembayaran Perolehan Tanah Tapak Kuarters Mada
	Bayaran Premium Tapak Pejabat Wilayah Iii Mada Dan Pejabat Pertubuhan Peladang F-3 Pendang
	Pengambilan Balik Tanah Bagi Projek Merekabentuk, Membina Dan Menyiapkan Kerja-Kerja Menaiktaraf Skim-Skim Pengairan Pinggir Mada, Kedah
	Pembangunan Kluster Tanaman Rambutan, Baling, Kedah
	Penyediaan Dan Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tani Dan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Kedah
	Kolej Pertanian Malaysia
	Bayaran Akhir Pembinaan Projek Pembangunan Kolej Pertanian Malaysia
	Projek Skim Saliran Terkawal Ban Merbok, Kedah
	Pembinaan Projek Makmal Biosekuriti Perikanan Tunjang, Kedah
	Pembinaan Pejabat Pengurusan, Perolehan Peralatan Dan Kelengkapan Bagi Melengkapkan Kemudahan Kompleks Lkim Kuala Sanglang ,Kedah
NRE	Saliran Mesra Alam Di Kulim Hi-Tech Industrial Park
	Projek Menaiktaraf Sistem Saluran Banjir Sungai Cenang Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman
	Rancangan Tebatan Banjir Kedah: Sungai Muda
	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit
	RTB Sg Pendang

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

SOALAN : NO. 433

Tuan Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh PTPTN bagi menggalakkan lagi penabungan pendidikan di kalangan ibu bapa serta golongan remaja memandangkan kesedaran dan tabiat menabung masih lagi di tahap rendah dan belum boleh dibanggakan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa mempergiatkan promosi bagi menyemai kesedaran menabung seawal sehari selepas kelahiran anak atau selewat-lewatnya bermula tahun satu persekolahan anak bagi perancangan pendidikan masa hadapan. Pelbagai program untuk membudayakan penabungan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) telah dilakukan seperti promosi siri Cabutan Wow! SSPN-i Plus (suku tahun) dan Cabutan Wow! SSPN-i Plus (tahunan).

Kerajaan juga telah menyediakan Geran Sepadan berbentuk simpanan di dalam akaun SSPN-i bernilai RM50 kepada pelajar tahun 1 semasa pengumuman Bajet 2017. Langkah ini adalah sebahagian daripada sumbangan Kerajaan bagi memupuk budaya penabungan di kalangan ibu bapa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sepanjang tahun 2016, jumlah akaun baharu dibuka bagi SSPN-i dan SSPN-i Plus adalah sebanyak 316,944 akaun dengan jumlah deposit sebanyak RM544.51 juta. Pencapaian ini jelas membuktikan bahawa budaya penabungan telah mula dihayati oleh para ibu bapa dan penjaga.

Keistimewaan dan keunikan yang ditawarkan SSPN-i dan SSPN-i Plus juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan penabungan. Antara keistimewaan SSPN-i adalah seperti berikut;

- (i) dividen yang kompetitif;
- (ii) pelepasan tafsiran cukai;
- (iii) perlindungan takaful;
- (iv) simpanan dijamin oleh Kerajaan; dan
- (v) layak memohon pinjaman PTPTN.